

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RMW 354 Prinsip-Prinsip Pengurusan Projek Binaan I

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Terangkan konsep sistem dan kontigensi. Bagaimanakah pendekatan tersebut dapat digunakan dalam memperkembangkan teori Organisasi dan Pengurusan?

Bincangkan suasana organisasi projek dengan merujuk kepada konsep di atas.

(20 Markah)

2. Terangkan pengertian struktur organisasi. Mengapakah ia penting? Bezakan di antara organisasi yang mempunyai struktur berbentuk mekanistik dan organik.

Bagaimanakah pengurus perlu bertindak untuk mencari penyesuaian di antara bentuk-bentuk tersebut dengan gaya pengurusan?

(20 Markah)

3. Kenalpastikan 3 tahap pengurusan dalam sesebuah organisasi. Bincangkan perbezaan di antara ketiga-tiga tahap tersebut dengan merujuk kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) Pengaruh dan interaksi dengan alam persekitaran
- (b) Membuat keputusan
- (c) Perancangan
- (d) Kawalan

(20 Markah)

...2/-

4. Fayol dan Rakan-Rakan telah mempeloporkan 7 proses pengurusan.

Nyatakan proses-proses tersebut serta perhubungan di antara satu sama lain.

Dengan merujuk kepada industri binaan, bincangkan tiap-tiap satu proses tersebut.

(20 Markah)

5. "Sistem pengurusan ialah berkenaan dengan membuat keputusan untuk perancangan dan kawalan perjalanan sesebuah Organisasi."

Bincangkan proses perancangan dan kawalan dengan merujuk kepada industri binaan.

(20 Markah)


6. Terangkan pengertian konsep komunikasi. Bagaimanakah konsep komunikasi digunakan dalam sesebuah organisasi? Bincangkan sistem komunikasi dalam projek binaan.

(20 Markah)

7. Terjemah serta bincangkan gambarajah I di bawah:

(20 Markah)

...3/-



Gambarajah I

-ooo000ooo-